

02/09/2003

TPM mahu lagu patriotik lama diperdengar semula

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua pihak, terutama syarikat rakaman dan stesen televisyen tempatan, mengumpul semula lagu patriotik lama yang dianggap khazanah bangsa untuk dihayati generasi muda.

Timbalan Perdana Menteri berkata, banyak lagu lama khususnya lagu tema Hari Kebangsaan sebelum ini, tidak lagi didendangkan sehingga generasi muda tidak tahu mengenainya.

"Banyak lagu (patriotik) lama yang begitu baik irama dan liriknya. Jadi, perlu ada usaha mengenengahkan semula pusaka bangsa kita ini bagi dihayati generasi sekarang dan masa depan.

"Lagu begini tidak harus didendangkan hanya ketika Bulan Kemerdekaan, sebaliknya pada bila-bila masa atau sebarang majlis. Oleh itu, RTM dan TV3, cubalah celahkan (tampilkan) lagu ini untuk didengar seluruh masyarakat kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan album Suara Merdeka, di sini semalam.

Album Suara Merdeka dihasilkan secara usaha sama Persatuan Bekas Pelajar MRSM Malaysia (Ansara) dan Prime Muzik Sdn Bhd. Hadir sama Presiden Ansara Datuk Mukhriz Mahathir dan Pengarah Eksekutif Prime Muzik Datuk Wah Idris.

Sepuluh lagu patriotik yang dinyanyikan semula oleh penyanyi tempatan seperti Camelia, Nora, Hattan, Roy, Fauziah Latiff dan Aris Ariwatan dimuatkan dalam album itu. Antaranya ialah Negaraku rentak baru, Putera Puteri, Perajurit Tanah Air, Malaysia Tanah Airku, Perwira Berjaya, Bumi Malaysia, Jalur Gemilang dan Bahtera Merdeka.

Abdullah berkata, lagu patriotik lama bukan hanya digubah untuk diperdengarkan oleh masyarakat Melayu semata-mata, tetapi bagi seluruh bangsa rakyat Malaysia.

Beliau berkata, pemuzik dulu memberi sumbangan amat bernilai kepada negara dan kini menjadi tanggungjawab semua pihak memelihara warisan negara ini.

"Jika didendangkan semula lagu ini, tentulah anak muda dapat menghayatinya seperti lagu Keranamu Malaysia dan Jalur Gemilang. Saya yakin lagu begini mendapat sambutan anak muda," katanya.

Menjawab soalan mengenai kemungkinan syarikat rakaman berasakan lagu patriotik lama tidak boleh membawa keuntungan, Abdullah berkata: "Soal membina semangat rakyat, kita tidak boleh kira sangat pasal untung, kerana ini mesti dilihat sebagai sumbangan membina bangsa kita."

Timbalan Perdana Menteri berkata, banyak lagu tema Hari Kebangsaan yang sudah dilupakan kerana tidak didendangkan berulang kali seperti lagu Keranamu Malaysia.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah mencadangkan satu album kompilasi dibuat bagi mengumpul semula lagu tema kemerdekaan yang pernah didendangkan sebelum ini.

Pada masa sama, Abdullah meminta RTM mengeluarkan semula nota muzik bagi lagu patriotik lama agar dapat dikumpulkan semula oleh mana-mana syarikat yang berminat.